

Headline	Ejen uruskan bayaran tidak pernah dilantik		
MediaTitle	Kosmo	Language	Malay
Date	11 Mar 2017	Readership	875,000
Circulation	197,202	Page No	8
Section	Negara	Journalist	N/A
ArticleSize	111 cm ²		
PR Value	RM 8,643		



Ejen uruskan bayaran tidak pernah dilantik



KUALA LUMPUR – Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak pernah melantik ejen persendirian untuk berhubung secara langsung dengan pengguna bagi urusan pembayaran bil elektrik.

Pengurus Besar Kanan Perkhidmatan Pengguna TNB, Kamaliah Abdul

Kadir (**gambar**), mengingatkan pengguna agar tidak terpedaya dengan ejen persendirian atau sindiket dalam urusan pembayaran bil.

Katanya, syarikat utiliti itu ada menerima aduan pengguna yang tertipu dengan tawaran diskauan bil sehingga 45 peratus.



“Justeru, jangan mudah terpengaruh dengan taktik yang digunakan sindiket terabit,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kamaliah berkata, TNB menyediakan pelbagai saluran pembayaran bagi memudahkan pengguna dan bayaran boleh dijelaskan di kaunter pusat khidmat pelanggan TNB, perkhidmatan online, institusi kewangan, agensi kerajaan dan syari-

kat pihak ketiga yang menjalankan operasi kutipan bil.

“Ejen kutipan hutang TNB pula hanya akan menghubungi pengguna jika mempunyai tunggakan bil elektrik yang telah tamat tempoh kredit, namun pengguna tidak perlu membuat bayaran terus kepada ejen berkenaan.

“Bayaran perlu dijelaskan di saluran pembayaran TNB yang sah sahaja,” ujarnya.

Para pengguna yang ingin mengetahui senarai saluran maklumat pembayaran bil elektrik TNB boleh melayari laman web www.tnb.com.my.